



Resit Amanah Helaian Pendedahan Produk

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Resit Amanah. Pastikan anda juga membaca terma dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada Pengurus Perhubungan Bank / Pengurus Perniagaan Bank anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma am.</p>	<p>Alliance Bank Malaysia Berhad (“ABMB” atau “Bank”)</p> <p>RESIT AMANAH</p> <p>Tarikh: _____</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>Resit Amanah ialah kemudahan pembiayaan yang membolehkan pengimport mengambil penghantaran barangan mereka sebelum pembayaran bil. Pengimport akan bertindak sebagai pemegang amanah kepada Bank untuk menjual barangan tersebut bagi pihak Bank dan hasil daripada jualan barangan tersebut adalah untuk membayar balik kepada Bank pada satu tarikh kemudian. Produk ini boleh didapati melalui Had Resit Amanah yang diberikan kepada anda di bawah Kemudahan Kredit Pembiayaan Perdagangan anda.</p>	
<p>2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Amaun Pembiayaan (RM) : Pembiayaan terhadap invois dan dokumen sokongan yang menunjukkan bukti penghantaran barangan atas dasar akaun terbuka, kutipan atau surat kredit. • Margin Pembiayaan : 100% nilai invois • Kadar Faedah : Kadar Pinjaman Asas (BLR) + ____ % setiap tahun. Faedah akan terakru dan perlu dibayar selepas penyelesaian Resit Amanah pada tarikh matang atau semasa penyelesaian separa sebelum matang • Tempoh : ____ hari 	
<p>3. Apakah tanggungjawab saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Penyelesaian penuh apabila matang pada jumlah prinsipal Resit Amanah ditambah faedah dari tarikh pembiayaan sehingga tarikh penyelesaian. 	
<p>4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Komisen: 0.1% daripada nilai invois (untuk penyelesaian perdagangan akaun terbuka sahaja) • Minimum RM50.00 dan maksimum RM500.00 (Mata Wang RM) / RM100.00 (Mata wang asing) • Bayaran pos RM10.00. 	
<p>5. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Faedah Tertunggak pada 1.00% ke atas kadar ditetapkan. • Hak untuk tolak selesai: ABMB berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun untuk penyelesaian tunggakan dalam akaun Kemudahan Perdagangan. • ABMB berhak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan membubarkan/menyita cagaran yang diberikan (jika ada). 	
<p>6. Bagaimanakah jika saya melakukan penyelesaian penuh bagi Resit Amanah ini sebelum tempoh matang?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh menjelaskan sepenuhnya pada bila-bila masa sepanjang tempoh Resit Amanah, faedah akan dikenakan berdasarkan tempoh yang dibiayai sahaja. 	
<p>7. Adakah saya perlukan perlindungan insurans/takaful?</p>	

- Anda perlu mengambil perlindungan insurans/takaful penuh untuk barangan di bawah Resit Amanah ini pada perbelanjaan anda sendiri.

8. Apakah risiko utama?

- Kadar faedah ditambah kepada kadar terapung, jumlah faedah mungkin berubah mengikut turun naik BLR. Peningkatan dalam BLR boleh menyebabkan jumlah yang dibayar lebih tinggi. Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

9. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?

- Cagaran: Ya
- Penjamin: Tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh ABMB

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kemudahan dan perkhidmatan pembiayaan perdagangan, anda boleh hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di pusat perbankan perniagaan atau rujuk kepada laman web kami di www.alliancebank.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Alliance Bank Malaysia Berhad
Customer Care Unit
Level 7, Menara Multi-Purpose, Capital Square
No. 8 Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel: +603 5624 3888 (Overseas) / 1-300-80-3388 (Malaysia)
Email: info@alliancebg.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK adalah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Menara Bumiputra-commerce,
Tingkat 5 dan 6, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Email: enquiry@akpk.org.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-21741515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi pengurus

perhubungan perniagaan kami di pusat perbankan perniagaan.

13. Apakah pakej pinjaman/pembiayaan lain yang disediakan?

- Penerimaan Jurubank
- Surat Kredit
- Bil Eksport Dibeli/Didiskaun
- Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport
- Perundingan Eksport
- Nota Janji Hutang
- Jaminan Perkapalan
- Jaminan Bank
- Pembiayaan Penjual

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB ANDA

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di sini atau sehingga _____ . Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian: Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh ABMB adalah bergantung pada penilaian kredit oleh ABMB. Penghantaran Helaian Pendedahan Produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh ABMB untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.